

18 JAN 2000

Rafidah-Wanita

TAK PERLU CAMPUR TANGAN DR MAHATHIR UNTUK ELAK PERTANDINGAN, KATA RAFIDAH

BANGI, 18 Jan (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata tidak perlu bagi mana-mana bahagian Wanita Umno meminta campur tangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti untuk mengelak pertandingan bagi jawatan ketua pergerakan itu.

Katanya, semua orang tahu bahawa Majlis Tertinggi Umno hanya menasihatkan agar jawatan presiden dan timbalan presiden tidak dipertandingkan pada pemilihan parti Mei ini.

"Tak payahlah (tiada pertandingan itu) sampai peringkat Wanita Umno. Itu betul-betul tak demokratik," kata Rafidah kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kerjaya ke-18 Universiti Kebangsaan Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas saranan Wanita Umno Pasir Mas Kelantan supaya Dr Mahathir menasihatkan pemimpin-pemimpin Wanita tidak mencabar ketua pergerakan itu Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Rafidah, yang tewas kepada Zaharah pada pemilihan parti 1996, sebelum ini telah membayangkan akan bertanding merebut semula jawatan yang pernah dipegangnya itu.

Naib ketua pergerakan itu, Datuk Napsiah Omar, juga telah menyatakan hasrat untuk bertanding jawatan ketua.

Ditanya kemungkinan beliau berkompromi dengan Napsiah bagi mengelak pertandingan tiga penjur, Rafidah berkata terlalu awal bagi beliau mengulasnya.

"Saya tidak tahu pertandingan macam mana yang akan berlaku. Kita tunggu pencalonanlah dulu," katanya.

Rafidah juga berkata bahawa beliau bersetuju dengan saranan Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob supaya para pemimpin Wanita Umno tidak menjadikan pertandingan merebut jawatan ketua pergerakan itu sebagai konflik peribadi.

"Sebenarnya pertandingan ini nampak hangat jika banyak komen. Sebab itu saya akhirkkan komen saya. Saya setuju dengan Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) bahawa orang kenal kita dah," katanya.

Rafidah berkata beliau hanya akan membuat keputusan muktamad selepas semua bahagian mengadakan mesyuarat dan membuat pencalonan masing-masing.

-- BERNAMA

AR MAI